

09 JUN 1999

MESB-LUAR NEGARA

MESB BERHASRAT LAKSANA PROJEK LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- MESB Bhd yang membina talian dan sub-stesyen kuasa, berharap akan dapat melaksanakan projek-projek talian penghantaran kuasa di Asia Barat dan negara-negara lain termasuk Laos.

Pengarah Eksekutif S.Sivayogarajasingam memberitahu pemberita selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat itu di sini hari ini bahawa MESB kini berunding mengenai cadangan penerokaan dengan satu pihak yang telahpun terlibat dalam perniagaan talian kuasa di Arab Saudi.

Sambil berkata prospek di Asia barat adalah besar, beliau berharap usahasama yang dicadangkan akan ditubuhkan tahun ini bagi membida projek talian penghantaran 180KV sepanjang 110 kilometer di Arab Saudi.

Selain dari itu, katanya, MESB juga kini di peringkat pra-kelayakan dalam bidanya bagi pakej-pakej projek talian penghantaran 115KV sepanjang 360 kilometer di Laos.

Sementara itu, MESB yang banyak terlibat dalam pembinaan talian penghantaran dan sub-stesyen bagi Tenaga Nasional Bhd, menjangkakan akan mengekalkan tahap keuntungannya untuk tahun semasa selepas mencatat keuntungan sebelum cukai kumpulan sebanyak RM13.053 juta bagi tahun berakhir 31 Dis 1998.

Kontrak dalam tangan sekarang bernilai RM150 juta dan ia menunggu-nunggu tender TNB bagi membaikpulih talian penghantaran kuasa di seluruh negara, kata Sivayoga.

Laporan projek empangan hidroelektrik Bakun akan diteruskan juga merupakan petanda yang baik bagi MESB, katanya. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata kerajaan akan meneruskan projek yang ditangguhkan itu dengan TNB memainkan peranan utama. -- BERNAMA

SHO JR